

## STATISTIK KERATAN AKHBAR DISEMBER 2023

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	KPT REALISASI PENDIDIKAN MALAYSIA MADANI	SINAR HARIAN MS 18	04/12/2023	KPT
2	JAMINAN ANWAR	HARIAN METRO MS 16	06/12/2023	SEMASA
3	HAPUS SEGERA 'MAYAT HIDUP' DI UNIVERSITI	UTUSAN MALAYSIA MS 18	08/12/2023	KPT
4	'BAYAR PTPTN , DAPAT HADIAH ISTEMEWA'	HARIAN METROMS 21	09/12/2023	KPT
5	PELARASAN 1,344 INSTITUSI TVET DIJANGKA DILANCAR JUN 2024	BERITA HARIAN MS 5	09/12/2023	KPT
6	KENALI AKIDAH SALAF SEBENAR	METRO AHAD MS 15	10/12/2023	AGAMA
7	KUASAILAH BAHASA MELAYU, JADI WARGA BERTANGGUNGJAWAB	UTUSAN MALAYSIA MS 15	13/12/2023	RENCANA
8	PTPTN TAWAR DISKAUN SEHINGGA 15 PERATUS	HARIAN METRO MS 09	13/12/2023	SEMASA
9	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI 'TUNGGU MAJLIS RASMI BARU SAH'	HARIAN METRO MS 02	13/12/2023	KPT
10	POLIGAMI UJIAN BERAT SUAMI TUNAI AMANAH KEPADA ISTERI, ANAK	BERITA HARIAN MS 21	13/12/2023	AGAMA
11	ZUKI: KSU BAKAL DIROMBAK, DITAMBAH	UTUSAN MALAYSIAN MS 02	14/12/2023	SEMASA
12	KELEBIHAN INSTITUSI RAJA BERPELEMBAGAAN	SINAR HARIAN MS 17	14/12/2023	RENCANA
13	EKONOMI JATUH AKIBAT RASUAH	SINAR HARIAN MS 14	14/12/2023	RENCANA
14	PEMBAWAAN DIRI CERMINAN TAHAP INTELEKTUAL PEMEGANG PHD	BERITA HARIAN MS 12	14/12/2023	RENCANA
15	PENUNTUT POLITEKNIK MILIKI 1.12G KANABIS	HARIAN METRO MS 08	14/12/2023	POLITEKNIK
16	PENGISIAN JAWATAN KEMENTERIAN BAHRU DITELITI	BERITA HARIAN MS 02	16/12/2023	SEMASA
17	KONVOKESYEN BUKAN PENAMAT GRADUAN MENUNTUT ILMU	BERITA HARIAN MS 25	22/12/2023	AGAMA
18	DANGKAL ILMU MUDAHKAN KITA DIHASUT - PM	SINAR HARIAN MS 04	22/12/2023	KPT
19	PM: KAWAL FAHAMAN POLITIK TAKSUB DI IPT	UTUSAN MALAYSIA MS 02	22/12/2023	KPT
20	MOHD ZUKI, AMIRUDIN TERIMA ANUGERAH UTAMA	BERITA HARIAN MS 03	22/12/2023	SEMASA

## TAJUK: KPT REALISASI PENDIDIKAN MALAYSIA MADANI

SUMBER: SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

TARIKH : 04/12/2023

18

**CETUSAN**

SINAR HARIAN • ISNIN 4 DISEMBER 2023



PERSPEKTIF

MOHAMMAD YUSOF APDAL

**Sinar**  
TELUS & TULUS  
Harian

TELUS &amp; TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

# KPT realisasi pendidikan Malaysia Madani



Mohamed Khaled (tengah) melancarkan MyBrain 2.0 yang turut dihadiri Mohammad Yusof (kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha Dasar KPT, Datuk Dr Megat Sany Megat Ahmad Supian pada 30 Oktober lalu.

“

KPT fokus dan komited dalam pengupayaan aspek pendigitalan, memanfaatkan teknologi, dan menjadi lebih holistik dalam pendekatannya untuk merangsang pertumbuhan pelbagai agensi dan segmen dalam sektor pendidikan tinggi negara.”

agensi dan segmen dalam sektor pendidikan tinggi negara.

Selaras dengan aspirasi baharu yang ditetapkan, KPT memaksimumkan keupayaannya dengan memberikan fokus utama kepada perincian dasardasar tertentu yang berkaitan dengan pendidikan tinggi di dalam negara.

Ini adalah satu pencapaian baharu yang perlu diberikan perhatian meluas kerana KPT bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan dasar pendidikan tinggi dan menetapkan matlamat seperti daya saing yang tinggi agar Malaysia dikenali seantero dunia sebagai negara yang berpotensi untuk melahirkan warga bijak pandai, berkualiti dan ada nilai-nilai kefalsafahan yang dibentuk melalui jati diri ilmu pengetahuan serta identiti nasional tanpa mengira kedudukan kelas ekonomi.

Usaha seumpama ini harus dipupuk dan dikekalkan ke dalam satu kerangka dasar yang bersifat jangka panjang. Seperti contoh, kerajaan meletakkan fokus utama terhadap soal kebaikan

pelajar B40 dan OKU.

KPT akan meneruskan pelaksanaan program penajaan MyBrain 2.0 sebagai kesinambungan program MyBrain15 mulai tahun 2024. Perkara ini diumumkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi di Majlis Pelancaran Program MyBrain 2.0 dan penyampaian surat tawaran penajaan tahun 2023 Oktober lalu.

Justeru, di sinilah peranan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mendukung tanggungjawab tersebut dengan mendidik dan melahirkan bakat terbaik tempatan melalui peningkatan kapasiti sumber manusia negara.

Enap setahun Kerajaan Madani di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau terus dilihat komited memposisikan negara mengikut acuan ditetapkan, selaras dengan aspirasi dan cita-cita yang dihasratkan.

Namun dalam memastikan keberhasilan matlamat dan hala tuju gagasan Malaysia Madani agar menjadi lebih manusiawi memerlukan usaha bersepdua dan holistik semua pihak.

Justeru, di sinilah peranan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mendukung tanggungjawab tersebut dengan mendidik dan melahirkan bakat terbaik tempatan melalui peningkatan kapasiti sumber manusia negara.

La seiring dengan penetapan konteks dan kerangka murni Malaysia Madani iaitu dengan melahirkan sebuah negara bangsa progresif yang mempunyai identiti tersendiri, tuntas dan tidak berpaksikan kepada mana-mana kiblat politik yang tidak disenangi.

KPT mendukung aspirasi itu selaras dengan fungsinya sebagai peneraju utama dalam pendidikan tinggi dengan mandat dan tugas utamanya untuk menggilap dan melahirkan bakat terbaik tempatan di samping terus melibatkan diri dalam penyelidikan dan eksplorasi ilmu terkini untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Ini selaras dengan Gagasan Sebelas Aspirasi 2023 Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang secara amnya memberi tumpuan kepada dasar KPT agar selari dengan 11 aspirasi dan agenda Malaysia Madani Perdana Menteri.

Aspirasi tersebut merangkumi peranan KPT untuk membangunkan negara MADANI, KPT bersikap profesional, adil, objektif dan tidak politikal, menilai KPT dari sudut kemampuan, prestasi dan misi masa hadapan, memperkuuh kekuatan sumber intelektual negara, membuat persediaan mengurus pelbagai perubahan dan ledakan teknologi, memperkuuh peranan Malaysia sebagai ‘titik temu’ yang menarik kehadiran pelajar, penyelidik dan bakat global serta melakukan rombakan besar-besaran terhadap sistem dan ekosistem TVET nasional.

Memastikan kepentingan IPTS dalam sektor pendidikan tinggi, meningkatkan kualiti dan kecemerlangan akademik dan menambah baik akses pembiayaan pendidikan serta permerkasaan mahasiswa juga merupakan sebahagian daripada aspirasi itu.

Dalam tempoh setahun pentadbiran Madani pimpinan Perdana Menteri, KPT terus memainkan peranan signifikan dalam usaha memastabatkan kedudukan pendidikan tahap tinggi negara.

KPT fokus dan komited dalam pengupayaan aspek pendigitalan, memanfaatkan teknologi dan menjadi lebih holistik dalam pendekatannya untuk merangsang pertumbuhan pelbagai

pelajar tajaan dan komited untuk membantu menanganai cabaran kenaikan kos sara hidup yang dihadapi ketika ini.

Dengan itu, kenaikan kadar Elaun Sarja Hidup (ESH), yang diumumkan pada 26 Oktober 2023 untuk pelajar sedia ada dan baharu di bawah Program Penajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (PPKPT) bagi peringkat sijil hingga pascasiswazah dalam dan luar negara seperti berikut:

Pertama, kenaikan kadar ESH pelajar sedia ada dan baharu luar negara di bawah Program MyBrainScience: kenaikan 15 peratus kadar ESH bagi pelajar sedia ada dan baharu kecuali peringkat Ijazah Sarjana Pertama di United Kingdom (UK); kadar ESH pelajar sedia ada dan baharu di UK diseragamkan daripada dua kadar A dan B kepada kadar A; dan kadar ESH pelajar sedia ada dan baharu di Amerika Syarikat diseragamkan daripada tiga kadar iaitu Kadar A, B dan C kepada dua kadar A dan B sahaja.

Manakala pelaksanaan kenaikan kadar ESH pelajar sedia ada dan baharu bagi program-program penajaan dalam negara seperti berikut iaitu kenaikan kadar ESH pelajar sedia ada dan baharu yang menerima biasiswa dan dermasiswa dalam negara sebanyak RM100 sebulan (Biasiswa Atlet Cemerlang IPT, Biasiswa Pelajar Cemerlang Politeknik, Biasiswa Tokoh Siswa, Dermasiswa B40 TVET dan Program MyBrain 2.0); menyeragamkan ESH kepada satu kadar mengikut peringkat pengajian iaitu Diploma (RM730), Ijazah Sarjana Muda (RM800), Sarjana/Doktor Falsafah (RM1,000) tidak termasuk MyBrainScience; dan kenaikan RM100 sebulan ESH/Elaun Wang Saku juga diperluaskan kepada pelajar-

Ilmu pengetahuan itu adalah indikator utama yang akan menjamin ke sejahteraan kehidupan yang lebih bermutu dan sarat dengan nilai-nilai yang akan memandu pemikiran murni di dalam jiwa setiap bangsa.

Walaupun terdapat persepsi yang berbeza akan prestasi kerajaan Madani namun setakat apa yang sudah di-realisasikan ini sudah cukup untuk dijadikan sebagai pengukur prestasi bagi membuka ruang lebih luas untuk memuatkan lagi agenda-agenda baharu di masa akan datang.

Bagi tahun mendatang, KPT akan memfokuskan usahanya dalam pendigitalan dengan memanfaatkan kepesertaan teknologi agar menjadi lebih holistik dalam pendekatannya untuk merangsang pertumbuhan pelbagai agensi dan segmen dalam sektor pendidikan tinggi negara.

KPT komited berusaha membawa dimensi baharu intelektualisme, menggalakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang mampan dalam semua aspek bagi melahirkan golongan akademik yang hebat dan menggalakkan keberhasilan ilmu yang berimpak kepada industri, masyarakat dan negara.

Kesemua usaha tersebut bagi memastikan KPT kekal relevan dan menjadi tonggak utama negara merealisasikan agenda Malaysia Madani.

\* Datuk Mohammad Yusof Apdal ialah Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: JAMINAN ANWAR

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 16

TARIKH : 06/12/2023

Putrajaya

**P**erdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam memberi jaminan soal pelarasan gaji golongan profesional teknikal dalam perkhidmatan awam akan diberi keutamaan dalam kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

Ketika merasmikan sambutan Hari Profesional Teknikal Negara 2023 (HPTN2023) di sini semalam, Anwar berkata, kehadirannya di HPTN2023 itu adalah bagi mengiktiraf peranan golongan profesional teknikal yang sesuai dengan keadaan dan pertumbuhan ekonomi negara sekarang.

"Kedudukan golongan ini dengan sendiri terangkat dan sangat kritikal. Sesuai dengan pengiktirafan itu saya telah ber komitmen iaitu dalam pelarasan gaji peranan profesional teknikal itu harus diberikan tempat sewajarnya," kata beliau.

Sehubungan itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan meminta badan profesional dalam profesion itu supaya mengemukakan input munasabah dalam soal pelarasan gaji menerusi SSPA.

HPTN diluluskan Jemaah Menteri pada Oktober 2018 untuk diadakan secara tahunan pada Sabtu pertama Disember sebagai penghargaan dan pengiktirafan jasa disumbangkan profesion teknikal dalam landskap pembangunan negara.

Sementara itu, Anwar mengulangi gesaan supaya syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mempertingkatkan kerjasama dengan institusi



# Jaminan Anwar

*Pelarasan gaji golongan profesion teknikal dalam perkhidmatan awam akan diberi keutamaan*



TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) menerusi penyaluran kepakaran dan kemahiran seiring keperluan industri, serta mengarahkan Khazanah Nasional Bhd, Telekom Malaysia Bhd (TM) dan Tenaga Nasional Bhd antaranya untuk membabitkan diri secara langsung latihan TVET.

"Dengan cara itu TM

(contohnya) tahu keperluan jenis latihan yang perlu diberikan, dan sebaiknya bantu uruskan dan beritahu keperluan mesin untuk latih anak-anak (di institusi TVET)," kata beliau serta menambah setakat ini, sebanyak 64 syarikat swasta dan GLC bekerjasama dengan institusi TVET.

Anwar berkata, persepsi rakyat terhadap TVET kini berbeza kerana berlaku peningkatan kemasukan pelajar peringkat diploma bagi program TVET di bawah Kementerian Pengajian Tinggi iaitu 58,424 pelajar pada 2021 kepada 85,535 pelajar pada 2022.

"Latihan profesional teknikal sesuatu sangat kritikal dan patut diangkat. TVET harus diperbaiki kerana 97 peratus lulusan TVET sekarang dapat pekerjaan dengan majoriti gaji masih sekitar RM2,000,"

kata beliau.

Beliau turut menekankan usaha meningkatkan lulusan TVET meningkatkan kemahiran tambahan di bidang tertentu kerana ia dapat meningkatkan kadar upah mereka.

"RM2,000 tidak cukup untuk hidup zaman sekarang, tetapi kalau ada latihan seperti dilakukan Petronas di Sarawak dan pusat latihan di Sabah umpannya."

"Dengan sendirinya selepas lulus ada peningkatan upah itu daripada RM2,000 ke minimum RM3,500 sampai ke RM5,000 dan untuk kimpalan, menurut Petronas sampai RM7,000," kata beliau.

Anwar dalam pada itu menzahirkan rasa bangga Jemaah Menteri di bawah kerajaan pimpinannya telah memastikan setiap projek dilakukan dengan telus.

TAJUK: HAPUS SEGERA 'MAYAT HIDUP' DI UNIVERSITI

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA


MUKA SURAT : 18

TARIKH : 08/12/2023

Pembaca boleh menghantar aduan/cadangan/pendapat/gambar melalui [forumutusan@mediamulia.com.my](mailto:forumutusan@mediamulia.com.my) atau

019-990 0761

MALAYSIA kekal sebagai negara membangun kerana universiti gagal menghasilkan inovasi sains dan teknologi yang dapat mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.  
- UTUSAN/  
SHIDDEQHIN ZON



# Hapus segera 'mayat hidup' di universiti

## SAUDARA PENGARANG.

KITA sering mendengar isu lambakan profesor madya dan profesor kangkung di universiti dibangkitkan oleh pihak tertentu. Begitu juga dengan isu longgokan lulusan ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang tidak berkualiti.

Sejurnya, keresahan ini berasas dan pernah disuarakan pada 1980-an.

Kenapakah mereka digelar kangkung? Pertama, kangkung ialah sayuran liar. Kangkung bukanlah tumbuhan unik. Di belakang, tiada sesiapa pun yang mempedulikan mereka.

Kedua, jika ditimbang, kangkung sangat ringan. Ini menggambarkan nilai ilmu tidak setara dengan pangkat dan gelaran mereka. Ketiga, kalau dijual, harga kangkung sangat murah. Ini mewakili kualiti ilmu dan etika mereka yang bobrok.

Keempat, kangkung boleh tumbuh sembarangan, tepi longkang, belakang jamban, kawasan timbunan sampah dan sebagainya. Demikianlah rendahnya harga diri mereka.

Kelima, andai kangkung terdedah dengan cuaca panas, ia cepat layu dan lesu. Ia menunjukkan ketahanan mereka yang sangat lemah. Mereka mudah melentur, lekas tersinggung, terlampaui sensitif dan terlalu emosional.

Bayangkan, ketika pensyarah berkujah belajar mengantuk, bosan dan muak. Bayangkan, pensyarah mendapat geran kerana membuat cadangan hebat, namun hasil kajian dan tulisan mereka tidak membuktikan tahap kesarjanaan yang tinggi. Kualiti apa?

Sebenarnya, banyak lagi kecurangan lain yang merebak di universiti, tetapi kesemuanya ini dipandang remeh sahaja. Selama lebih 25 tahun bergelut di universiti, amat jarang penulis bertemu dengan pensyarah yang benar-benar berjihad demi ilmu, rakyat dan negara. Mereka hanya bekerja untuk perut dan poket sahaja.

Di universiti, pensyarah yang gagal mengasuh penuntutnya mencintai ilmu dan berfikiran kritis, gagalah pensyarah itu. Universiti yang hanya mengajar teori, ini bukanlah universiti. Itu sekadar sekolah tinggi sahaja.

Peranan sebenar universiti ialah mencetuskan pelbagai teori baharu, bukannya menjadi pengekor dan pencetak teori Barat belaka. Bayangkan, betapa ramainya profesor madya dan profesor di universiti, tetapi mereka gagal mencetuskan teori baharu yang menggegarkan dunia akademik.

Mereka juga gagal menghasilkan inovasi sains dan teknologi yang dapat menjulang Malaysia sebagai negara industri global. Sebab itulah Malaysia masih kekal sebagai negara membangun.

Selepas mendapat PhD, kesemuanya senyap macam 'mayat hidup'. Yang dikehjera ialah pangkat. Kualiti karya ilmiah mereka lesu, layu dan kaku.

Universiti bukanlah syarikat kapitalisme. Budaya teras yang mestilah ditegarkan dan ditegakkan di universiti ialah budaya membaca, budaya ilmu dan budaya fikir.

DR. NORDI ACHIE  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: 'BAYAR PTPTN, DAPAT HADIAH ISTIMEWA'

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 16

TARIKH : 06/12/2023

**'Bayar PTPTN, dapat hadiah istimewa'**

H/m Sabtu 9/12/2023 21

Setahun Bersama Kerajaan  
MALAYSIA MADANI



**Kuala Lumpur:** Rakyat Malaysia secara umumnya bersetuju bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah tanggungjawab, akauntabiliti dan keadilan yang perlu dipenuhi peminjamnya.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mohammad Yusof Apdal berkata, maklum balas itu diperoleh hasil penganjuran Hari Terbuka Pendidikan Tinggi yang berlangsung pada 23 Oktober lalu.

"Malangnya kita berdepan keadaan ramai tidak bertanggungjawab, menyebabkan tiada keadilan. Maknanya dia dah pinjam dahulu untuk belajar, bila dia dah berjaya dan bekerja, dia tak bayar.

"Jadi ini menimbulkan masalah bukan sahaja kepada PTPTN yang memanggung hutang besar malah lebih dahsyat, dia mengganggu peluang orang lain yang nak meruskan pelajaran," katanya, semalam.

Justeru, beliau menggalakkan orang ramai hadir ke Program Setahun Bersama Kerajaan Madani di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil.

**SEBAHAGIAN** pengunjung yang hadir ketika Program Setahun Bersama Kerajaan Madani di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

selain diskaun.

"Selain diskaun PTPTN, urusan pembukaan akaun serta penambahan deposit simpanan SSPN disediakan," katanya.

Mengenai tawaran secara terus bagi kemasukan ke universiti awam, politeknik dan kolej komuniti terpilih, Yusof berkata, bagi calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang belum mendapat tempat pengajian boleh hadir ke reraui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

"Sila bawa kad pengenaan dan salinan SPM bagi kemasukan ke Program Sesi II 2023/2024. Bagi calon tiada SPM dan berminat sambung belajar dialu-alukan hadir sebab di sana kita ada program di bawah Kolej Komuniti yang dinamakan Pembelajaran Sepanjang Hayat, ini beri peluang kepada mereka yang tiada kelulusan minimum mendapatkan peluang kedua di bawah program Kolej Komuniti," katanya.

BH Sabtu, 9 Disember 2023

Nasional

5

# Pelarasan 1,344 institusi TVET dijangka dilancar Jun 2024

Rangka dasar pendidikan dibawa ke mesyuarat Kabinet dalam tempoh terdekat

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my



**Kuala Lumpur:** Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara yang akan menyaksikan aktiviti pendidikan itu diselaraskan antara 12 kementerian, selain pelarasan kepada 1,344 institusi berkaitan TVET seluruh negara, dijangka dilancarkan Jun tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, rangka dasar berkenaan akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat bagi mendapatkan kelulusan.

"Kerajaan dan pihak swasta harus berkolaborasi, itulah sebabnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia menjalin usaha sama dengan lebih 10,000 syarikat, dengan semua peserta TVET yang menamatkan kursus terus diserap masuk untuk bekerja di syarikat-syarikat berdaftar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meras-

mikan Majlis Pelancaran MyNext TVET dan Pertukaran Dokumen Memorandum Kerjasama (MOC) Antara Kerajaan dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta di pekarangan Stadium Bukit Jalil, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar.

Ahmad Zahid yang juga Pengurus Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata, kerajaan mahu 70 peratus daripada pengajian TVET memberi penekanan kepada aspek praktikal sebagai satu daripada usaha menambah baik kebolehpasaran pelajar dalam bidang berkenaan.

Beliau berkata, perkara itu sudah pun dicadangkan melalui Majlis TVET Kebangsaan.

"Kami sudah menyarankan hanya 30 peratus sahaja peserta TVET berada dalam kelas, manakala 70 peratus berada di bengkel, makmal atau di tempat kerja supaya mereka dapat menimba pengetahuan, selain membolehkan mereka mendapat pendidahan di peringkat awal.

"Maknanya, selepas tamat kursus, mereka mempunyai latar belakang kuat dalam bidang tertentu, maka dengan itu kebolehpasaran lulusan TVET dapat di-



Ahmad Zahid bersama Sivakumar (kiri) pada perasmian Majlis Pelancaran MyNext TVET dan MOC Antara Kerajaan dengan GLC dan Syarikat Swasta di pekarangan Stadium Bukit Jalil, semalam. (Foto Aziah Azmee/BH)

pertingkatkan daripada kadar 98.5 peratus kepada sekurang-kurangnya 99.5 peratus," katanya.

## Perkenal bidang baharu

Dalam memperkasa pendidikan TVET, Ahmad Zahid berkata beberapa bidang baharu turut diperkenalkan antaranya kenderaan elektronik, teknologi kecerdasan buatan (AI), kejuruteraan aeroangkasa dan telekomunikasi.

"Ketika ini kita berada di tahap 5G dan waktu terdekat akan mencapai tahap 5.5G. (Dengan per-

kembangan ini), memerlukan kita menyediakan tenaga mahir daripada TVET," katanya sambil memaklumkan Majlis TVET Negara termasuk Sekretariat TVET Negara sudah pun diaktifkan sepenuhnya.

Menyentuh inisiatif terbaharu melalui MyNext TVET, beliau berkata program itu berperanan sebagai kerangka digital berpusat untuk penyusunan inisiatif TVET, selain menawarkan penyelesaian berintegrasi untuk analisis dan pengurusan bakat.

Katanya, pembangunan ini-

siatif itu penting dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran + graduan TVET, memperkuuh penawaran program di institusi TVET dan membantu majikan mengenal pasti bakat bersesuaian serta menepati keperluan.

"MyNext TVET adalah program untuk menterjemahkan visi dalam pekerjaan dalam bidang baharu di mana TVET menjadi pemangkin utama bagi menyediakan kursus atau pendidikan TVET ini kepada bakal tenaga kerja di negara kita," katanya.

TAJUK: KENALI AKIDAH SALAF SEBENAR

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 15

TARIKH : 10/12/2023

Metro Ahad | 10.12.2023

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15

addin

## LENTERA HADIS

**KENALI AKIDAH SALAF SEBENAR**

Bersama  
**Dr Mohd  
Khafidz Soroni**

**M**uncul mutakhir ini segelintir pihak yang menjaja jenama 'akidah Salaf', namun dalam agenda mereka turut menyesatkan akidah majoriti ulama Islam yang berfahaman Ahlus Sunnah Waljamaah (ASWJ) al-Ash'airah dan al-Maturidiyyah. Jika as-Sayyid Abu al-Hasan Ali an-Nadwi dalam buku Surotan Mutadhdhatan menempelak golongan Syiah kononnya selepas kewafatan Nabi SAW, majoriti sahabat RA murtad kecuali empat orang sahaja. Walhal sebenarnya dakwaan tersebut mengandungi penghinaan terhadap Nabi SAW, seolah-olah baginda gagal mendidik sahabatnya selepas berpenat lelah menggembangkan usaha dakwah dan tarbiyah selama 23 tahun. Maka, begitu juga golongan ekstremis Wahhabi yang mendakwa majoriti ulama Islam menyimpang daripada akidah Salaf, seolah-olah ulama Salaf gagal menerapkan akidah yang benar kepada generasi ulama Islam selepas mereka.

Dari mana timbulnya perbezaan jenama 'akidah Salaf' ini? Bagi memahaminya, mari kita telusuri sejarah perkembangan fahaman Jahmiyyah yang diasaskan oleh Jahm bin Safwan (meninggal 128H) dan fahaman Muktazilah yang dipelopori oleh Wasil bin 'Ata (meninggal 131H) yang melampau dalam mengutamakan penggunaan dalil aqli ke atas dalil naqli. Begitu juga perkembangan fahaman Mujassimah Musyabbihah yang dibawa oleh Muqatil bin Sulaiman (meninggal 150H) yang melampau dalam mensabarkan zahir dalil naqli serta menolak dalil aqli.

Fahaman Jahmiyyah dan Muktazilah pernah mendapat tempat istimewa dalam kerajaan Islam apabila Khalifah al-Ma'mun (198-218H) menganuti fahaman tersebut. Malah, beliau menjadi khalifah pertama yang menyeru dan memaksa ulama untuk mengikuti fahaman bidaah berkenaan. Antara tokoh Muktazilah terkenal pada zamannya ialah Bisyr al-Marisi (meninggal 218H).

Pada zaman Khalifah al-Mu'tasim (218-227H) pula, Imam Ahmad (wafat 241H) pernah dikenjar selama 28 bulan dan disebat kerana enggan mengatakan 'al-Quran itu makhluk'. Pada zaman Khalifah al-Wathiq (227-232H) pula, Imam Ahmad cuba diusir dari Baghdad menyebabkan beliau terpaksa



UMAT Islam wajib mempertahankan fahaman Ahli Sunnah Waljamaah demi menjaga akidah.

bersembunyi sehingga khalifah meninggal dunia. Hanya pada zaman Khalifah al-Mutawakkil (232-247H), barulah fahaman bidaah yang dipegang khalifah sebelumnya dihapuskan. Al-Mutawakkil memuliakan Imam Ahmad dan menjunjung fahaman ASWJ.

Peristiwa dahsyat ini meninggalkan kesan besar dalam kalangan ulama ASWJ. Pendirian teguh Imam Ahmad juga menjadi inspirasi kepada ramai ahli hadis dalam mengangkat penggunaan dalil naqli dan memberi peringatan mengenai bahaya takwil yang berpaksikan akal semata-mata.

Disebabkan itu, banyak kita dapat respons yang tegas daripada mereka dalam menunjung akidah Salaf dan menolak fahaman Jahmiyyah. Antaranya kata Imam at-Tirmizi (wafat 279H) dalam Sunannya: "Kata ahli ilmu: 'Boleh jadi sabit riwayat mengenai perkara ini (sifat Allah SWT) dan ia perlu diimani, namun jangan dibayangkan dan jangan ditanya: Bagaimana?'". Demikian

diriwayatkan daripada Malik, Sufyan bin Uyainah dan Abdullah bin al-Mubarok bahawa mereka berkata mengenai semua hadis ini: 'Lalukanlah sahaja ia tanpa (pertanyaan) bagaimana'. Demikian juga pandangan ahli ilmu daripada kalangan Ahlus Sunnah Waljamaah."

Melalui bacaan pada semua sifat ini menurut majoriti ulama ASWJ dikenali sebagai kaedah tafwidh, iaitu menyerahkan hakikat atau makna sebenarnya kepada Allah SWT. Inilah pegangan akidah Salaf yang benar di samping turut dikesan juga daripada sebahagian mereka menggunakan metod takwil seperti Imam Malik, Imam asy-Syafi'i, Imam Ahmad, Imam al-Bukhari dan lain-lain.

Namun begitu, respons sesetengah ahli hadis didapati agak berlebih-lebihan sehingga turut berpegang dengan hadis daif, munkar dan palsu. Akhirnya sama ada disedari atau tidak, mereka menghampiri pula kepada fahaman Mujassimah Musyabbihah. Sebagaimana yang dapat ditinjau buktinya dalam

kitab an-Naqduh 'ala Bisyr al-Marisi dan ar-Radd 'ala al-Jahmiyyah yang dinisbahkan kepada Uthman bin Said ad-Darimi (wafat 280H), kitab as-Sunnah wa al-Jam'aah oleh Harb bin Ismail al-Kirmani (wafat 288H) dan kitab as-Sunnah oleh Abdullah bin Ahmad bin Hanbal (wafat 290H).

Meskipun terdapat ibarat yang menunjukkan aspek tafwidh dalam semua kitab ini, namun terdapat juga unsur tasybih dan tajsim (antropomorfisme) yang jelas. Ringkasnya, ia turut mempromosi fahaman sesat Mujassimah Musyabbihah yang meyakini sifat Allah SWT itu berjisim, bersaiz dan berimej sama seperti sifat makhluk. Ini manajah akidah yang keliru dan mesti ditolak kerana manajah akidah yang benar mestilah dibina di atas keyakinan yang jelas.

Di tengah-tengah kekeliruan golongan Hasyawiyah dan kesesatan golongan Muktazilah inilah muncul Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari (260-324H), bangkit mempertahankan akidah Salaf yang sebenar dengan menggunakan manajah yang lebih kemas dan tersusun, menggabungkan aspek naqli serta aqli secara berdisiplin.

**"Kata ahli ilmu: 'Boleh jadi sabit riwayat mengenai perkara ini (sifat Allah SWT) dan ia perlu diimani, namun jangan dibayangkan dan jangan ditanya: Bagaimana?'"**

(Imam At-Tirmizi)

Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Universiti Islam Selangor (UIS)

TAJUK: KUASAILAH BAHASA MELAYU, JADI WARGA BERTANGGUNGJAWAB

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 15

TARIKH : 13/12/2023

**M. JAYAKUMARY**

**B**ARU-BARU ini, rayuan empat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terhadap pembatalan pengoperasian sekolah vernakular dan penggunaan Mandarin serta Tamil sebagai bahasa pengantar telah ditolak. Keputusan tersebut turut memuktamadkan kewujudan sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan Tamil (SJKT) adalah sah di sisi undang-undang dan dilindungi Perlembagaan Persekutuan.

Susulan itu, Kementerian Pendidikan (KPM) menyambut baik keputusan mahkamah rayuan tersebut seperti diperjelaskan oleh Timbalan Menterinya, Lim Hui Ling dalam sidang Parlimen tempoh hari. Ini memperlihatkan KPM sangat peka terhadap kewujudan sekolah vernakular dan bahasa pengantar yang bukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara.

Sebenarnya, soal sekolah vernakular dan penggunaan bahasa ibunda tertentu dalam pendidikan mempunyai sejarahnya tersendiri. Jika diimbau, sejak awal abad ke-19 lagi, British membawa masuk buruh Cina dan India secara besar-besaran ke Tanah Melayu dalam usaha mempergiat ekonomi komersial dalam sektor perlombongan dan pertanian. Sebilangan besar buruh ini turut membawa keluarga mereka bersama-sama.

Lantaran itu, wujudlah satu keperluan untuk memberikan pendidikan asas kepada anak-anak mereka. Golongan berpendidikan mengambil inisiatif bagi memberi kesedaran kepada golongan buruh tentang betapa pentingnya pendidikan untuk generasi muda.

Disebabkan itulah, atas usaha kedua-dua komuniti tersebut, sekolah-sekolah dibuka dengan membawa masuk guru dan buku teks dari negara asal. Lama-kelamaan, British memperkenalkan beberapa dasar pendidikan bagi memastikan sistem pendidikan sekolah vernakular terurus dan berada di bawah kawalan mereka. Sistem pendidikan vernakular ini berjalan secara berterusan untuk suatu jangka masa

# Kuasailah bahasa Melayu, jadi warga bertanggungjawab



KITA seharusnya bersyukur kerana dilahirkan di sebuah negara yang cukup unik dengan semangat toleransi tinggi. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

“

**Negara ini terus memberikan kebebasan kepada orang bukan Melayu untuk mempelajari bahasa ibunda masing-masing.”**

agak panjang. Maka, dapat dikatakan pendidikan sekolah vernakular ini telah bersebatai dalam kehidupan mereka.

Dalam pada itu, keserian rakyat tempatan terhadap kolonialisme semakin memuncak. Mereka tidak mahu hidup dirantai dek penjajah. Oleh itu, ketiga-tiga kaum terbesar di Tanah Melayu bangkit dan menyuarakan hasrat mereka untuk berkerajaan sendiri. Para pemimpin baik orang Melayu, Cina dan India menjalinkan kerjasama bagi mencapai matlamat diinginkan. Tatkala menjalankan rundingan demi rundingan dengan British, para pemimpin ini juga memulakan usaha untuk menyediakan satu kerangka yang menjadi asas

kepada pembentukan negara berdaulat.

Antara soal yang menjadi tajuk perbincangan adalah bahasa dan sistem pendidikan. Demi kebaikan bersama, satu persetujuan dibuat sebulat suara. Pertama, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi setelah negara ini mencapai kemerdekaan. Kedua, bahasa ibunda kaum-kaum lain tetap dipelihara sebagai identiti kaum-kaum tersebut.

#### PENYATA RAZAK

Sikap toleransi dan permuaafakan yang terjalin antara pemimpin-pemimpin kaum ini, akhirnya lahir sebagai salah satu perkara penting dalam kontrak sosial. Secara tidak langsung, ini menjadi satu pengukuhan terhadap kesinambungan sistem sekolah vernakular yang telah diamalkan sekian lama.

Kini negara kita sudah melangkaui usia 66 tahun. Selama itu jugalah aspirasi negarawan terdahulu terus didukung. Bahasa Melayu terus diperkuuhkan dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi. Di bawah Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan diperkuuhkan dalam urusan rasmi kerajaan termasuk di Parlimen, mahkamah,

jabatan kerajaan, sekolah dan universiti. Bahkan pada 1994, akta ini dipinda dengan penetapan bahawa bahasa Melayu harus digunakan dalam segala urusan rasmi kerajaan sebagai bahasa pengantara.

Dalam sistem pendidikan, usaha yang sama turut diambil. Akta Pelajaran 1961 digubal untuk mewujudkan kurikulum berorientasikan sistem pendidikan kebangsaan dengan menjadikan Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib (1960) sebagai teras utama. Pendek kata, akta ini telah mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Sementelah itu, kesepakatan dan persefahaman yang wujud begitu lama terus disuburkan, iaitu sistem pendidikan sekolah vernakular terus dipelihara. Di bawah Seksyen 28 Akta Pendidikan 1996, dijelaskan bahawa bahasa kebangsaan dijadikan bahasa pengantar utama di institusi pendidikan kecuali di sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Tampak dengan begitu jelas, para pemimpin negara terus menghormati kontrak sosial yang telah dibuat oleh pemimpin terdahulu.

Kita seharusnya bersyukur kerana dilahirkan di sebuah

negara yang cukup unik dengan semangat toleransi tinggi. Pendek kata, negara ini terus memberikan kebebasan kepada orang bukan Melayu untuk mempelajari bahasa ibunda masing-masing tanpa sebarang sekatan menerusi sekolah vernakular. Bahkan kerajaan turut memberikan bantuan dalam banyak aspek, baik dari segi pemberian dana dan tenaga pengajar, pembinaan bangunan serta kemudahan dan sebagainya.

Walaupun diberikan peluang dan kebebasan untuk meraikan bahasa ibunda sendiri, usahlah kita lupa dan alpa tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan kita. Sebagai rakyat, kita seharusnya menguasai bahasa Melayu dan mampu berkomunikasi dengan baik dalam apa jua keadaan.

Dilahirkan dan dibesarkan di negara ini sahaja tidak memadai untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Menguasai bahasa Melayu adalah antara aspek penting bagi kita semua kerana itulah tanda mencerminkan jati diri sebagai rakyat Malaysia.

DR. M. Jayakumary ialah Pensyarah Akademik di Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Darulaman, Jitra, Kedah.

TAJUK: PTPTN TAWAR DISKAUN SEHINGGA 15 PERATUS

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 09

TARIKH : 13/12/2023

Harian Metro | Rabu 13.12.2023

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my

9

lokal

Oleh Hafiz Ithnin  
hafizithnin@mediapri-  
ma.com.my

Kuala Lumpur

**P**eminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) jangan lepasan peluang untuk membuat rundingan bagi mendapatkan pelbagai manfaat termasuk diskau sehingga 15 peratus.

Ia adalah sejarah dengan kempen Jom Bayar PTPTN sempena Hari Mesra Pelanggan bermula 12 hingga 31 Disember ini.

Menerusi kempen itu juga peminjam yang mempunyai tunggakan boleh membuat bayaran pendahtuan tunggakan minimum sebanyak RM300 sahaja untuk membuat penstruktur semula pinjaman.

Tidak sekadar itu, peminjam juga layak menyertai Cabutan Jom Bayar PTPTN yang menawarkan hadiah tunai RM70,000 kepada 140 pemenang sepanjang tempoh 1 hingga 31 Disember ini.

Ketua Eksekutifnya, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, peminjam yang membuat pembayaran balik turut diberi penghargaan cenderamata eksklusif PTPTN sepanjang kempen itu berlangsung.

Tambahnya, syarat penyertaannya juga mudah apabila peminjam hanya perlu membuat bayaran balik pinjaman dalam tempoh promosi dengan bayaran minimum RM300 bagi semua saluran baya-

## KEMPEN JOM BAYAR PTPTN SEMPENA HARI MESRA PELANGGAN

# PTPTN tawar diskau sehingga 15 peratus

ran balik sekali gus layak mendapat satu cabutan.

“Lebih menarik, bagi peminjam yang membuat bayaran balik pinjaman melalui aplikasi myPTPTN akan mendapat bilangan cabutan berganda. Oleh itu, manfaatkanlah

**“Peminjam bukan sahaja dapat menikmati diskau bayaran balik pinjaman, malah berpeluang membuat penstruktur semula pinjaman dengan tawaran yang lebih menarik”**

myPTPTN dan anda akan mendapat lebih banyak peluang untuk menang,” katanya pada Majlis Perasmian Hari Mesra Pelanggan PTPTN di sini, semalam.

Ahmad Dasuki berkata, selari dengan komitmen

PTPTN dalam menggalakkan bayaran balik pinjaman dalam kalangan peminjam dan meningkatkan kualiti perkhidmatan, Hari Mesra Pelanggan PTPTN dilaksanakan secara serentak di semua Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan seluruh negara bermula semalam.

Waktu operasi kaunter di Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan seluruh negara dilanjutkan mulai jam 8.30 pagi hingga 6 petang termasuk hari Sabtu dari pada jam 9 pagi hingga 5 petang. Ini bagi memudahkan pelanggan berurus sepanjang Hari Mesra Pelanggan.

“PTPTN sentiasa berusaha mencari langkah terbaik melalui pendekatan lebih mesra pelanggan agar tampil berunding dengan PTPTN. Sekali gus, memastikan kutipan bayaran balik pinjaman terus meningkat.

“Antara strategi dan langkah proaktif dilaksanakan PTPTN adalah dengan memperkenalkan inisiatif yang membuka peluang kepada semua peminjam untuk datang mendapatkan maklumat dengan PTPTN, mempergiatkan pelaksanaan kem-

HARI	NEGERI	MASA
Bulan Disember Jumaat	Kecuali Terengganu, Kelantan, Kedah dan Johor	8.30 pagi hingga 6.00 petang
Ahmad Hingga Khamis	Terengganu, Kelantan, Kedah dan Johor	
Sabtu	Semua Negeri	9.00 pagi hingga 5.00 petang

pen dan promosi bagi mengalakkan bayaran balik pinjaman, mempelbagaikan saluran bayaran balik

secara dalam talian, meningkatkan program-program kesedaran dan sebagainya,” katanya.


Setakat 31 Oktober 2023, seramai 2.25 juta peminjam atau 83.05 peratus yang sepertutnya membuat bayaran balik mula membuat bayaran balik pinjaman mereka. Manakala dalam tempoh sama, seramai 3.92 juta peminjam diluluskan pinjaman PTPTN dengan jumlah pinjaman dike luarkan sebanyak RM70.91 bilion. Katanya, PTPTN sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memainkan peranan penting dalam mendukung hasrat kerajaan untuk memastikan kelestarian dan akses kepada pendidikan tinggi.

“Inilah peluang terbaik kepada semua peminjam untuk berunding dengan pegawai PTPTN. Peminjam bukan sahaja dapat menikmati diskau bayaran balik pinjaman, malah berpeluang membuat penstruktur semula pinjaman dengan tawaran

yang lebih menarik, berpeluang memenangi hadiah lumayan serta mendapat cenderamata eksklusif daripada PTPTN. Manfaat 4 dalam 1 ini sangat berbaloi untuk para peminjam sempena Hari Mesra Pelanggan dan Kempen Jom Bayar PTPTN,” ujar beliau lagi.

Terdapat lima kategori barisan hadapan yang boleh dihubungi peminjam iaitu pusat panggilan di talian 03 - 2193 3000, live chat di Portal PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)), Eksekutif Pemasaran PTPTN, eAduanPTPTN dan Media sosial (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional).

Kesemua platform ini sejajar dengan inisiatif #PTPTNSediaBantu yang dilaksanakan oleh PTPTN bagi membantu memudahkan para peminjam yang mempunyai sebarang pertanyaan atau urusan berkaitan bayaran balik pinjaman. Untuk maklumat lanjut, peminjam boleh melayari portal rasmi PTPTN [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).



AHMAD Dasuki (tengah) bersama Ketua Pegawai Operasi PTPTN, Mastura Mohd Khalid (kanan) dan Ketua Pegawai Kewangan PTPTN Azhar Ahmad pada Majlis Pelancaran Kempen Jom Bayar PTPTN sempena Hari Mesra Pelanggan di Menara PTPTN, semalam.

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI 'TUNGGU MAJLIS RASMI BARU SAH'

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 02

TARIKH : 13/12/2023



## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: ZUKI: KSU BAKAL DIROMBAK, DITAMBAH

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 02

TARIKH : 14/12/2023

# Zuki: KSU bakal dirombak, ditambah

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR  
juani.bakar@mediamulia.com.my



MOHD. ZUKI ALI

**PETALING JAYA:** Rombakan Kabinet membuka jalan kepada pertukaran besar-besaran dalam kalangan Ketua Setiausaha (KSU) kementerian dan lantikan baharu pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) ke jawatan itu.

Ini kerana rombakan Kabinet membabitkan empat kementerian baharu iaitu Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital.

Sekurang-kurangnya antara dua hingga empat lantikan baharu KSU bakal berlaku pada masa terdekat untuk mengisi keperluan di Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Kementerian Komunikasi dan Digital yang dipecahkan kepada dua lagi entiti berbeza.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, calon-calon pegawai tinggi untuk mengisi jawatan KSU sedang dikenal pasti dan pelantikan baharu bakal dilakukan pada masa terdekat.

"Ini bermakna calon-calon pengisian KSU baharu sedang dikenal pasti dan akan dilantik dalam masa terdekat."

"Langkah ini bagi memastikan segala kelancaran tadbir

urus kementerian terbabit dapat dilaksanakan secara teratur serta menyokong fungsi dan peranan kementerian dalam menyokong hasrat dan aspirasi Perdana Menteri," katanya.

Rombakan Kabinet kelmarin menyebabkan beberapa menteri terpaksa bertukar tugas apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dipilih mengetuai Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam yang dipecahkan daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim manakala Nik Nazmi Nik Ahmad pula diamanahkan di Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Perkara sama berlaku di Kementerian Komunikasi dan Digital dengan dipecahkan kepada dua entiti iaitu Kementerian Komunikasi diketuai Fahmi Fadzil manakala Gobind Singh Deo di Kementerian Digital.

Malah portfolio Wilayah Persekutuan sebelum ini bertaraf jabatan kini diketuai Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Dr. Zaliha Mustafa yang sebelum ini Menteri Kesihatan.

Kali terakhir pusingan dan pertukaran KSU dan Ketua Perkhidmatan adalah pada September lalu iaitu melibatkan pemindahan empat KSU kementerian ke penempatan baharu dan satu lantikan baharu KSU.

Dalam pada itu, Felo Kanan Majlis Profesor Negara (MPN), Datuk Dr Jeniri Amir berkata, tambahan kementerian, KSU dan kakitangan baharu sudah tentu meningkatkan kos mengurus kerajaan.

Sebaliknya kata beliau, kecekapan urusan pentadbiran harus diutamakan kerana tanpanya, ia boleh menjelaskan perjalanan tadbir urus kerajaan demi memudahkan urusan rakyat.

Kata beliau, amalan takselola dan ketelusan dalam pentadbiran kerajaan sekarang sudah pasti dapat mengurangkan kos kerajaan sekali gus menjimat wang negara.

"Namun paling utama kerajaan kena membuktikan kecekapan dengan pertambahan kementerian ini. Jika tidak, ia boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dan persoalan dalam kalangan masyarakat terhadap keperluan menambah kementerian sehingga meningkatkan kos," katanya.

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KELEBIHAN INSTITUSI RAJA BERPERLEMBAGAAN

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 17

TARIKH : 14/12/2023

TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

**Sinar Harian** TELUS & TULUS  
sinarharian.com.my

CETUSAN **17**  
KHAMIS 14 DESEMBER 2023 • SINAR HARIAN

**Kelebihan institusi  
Raja Berperlembagaan**

**BICARA AWAM**  
WONG CHIN HUAT

**P**rinsip pertama dalam Rukun Negara ialah 'Kesetiaan kepada Raja dan Negara'. Sungguhpun kita selalu berikrar untuk mendukung prinsip ini, mungkin ada yang masih tidak faham inti patinya.

Raja dalam konteks ini ialah Raja Berperlembagaan iaitu salah satu bentuk demokrasi di samping alternatif lain seperti Republik Berparlimen dan Republik Berpresiden. Kesetiaan kepada Raja dan Negara sebenarnya adalah kesetiaan kepada demokrasi yang beraja.

Negara seperti Brunei, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi ada raja dan ada perlembagaan tetapi bukan sistem Raja Berperlembagaan. Di negara-negara ini, raja bukan saja ketua negara, tetapi juga ketua kerajaan yang memegang kuasa memerintah. Sebagai contoh, Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah juga adalah Perdana Menteri Brunei. Ini dinamakan sistem Raja Mutlak, yang bukan demokrasi.

Raja Berperlembagaan bermaksud raja cuma ketua negara, tetapi bukan ketua kerajaan. Contoh sistem raja berperlembagaan termasuklah United Kingdom (UK), Belanda, Sweden, Sepanyol dan Jepun.

Raja Charles III dan sebelum ini bondanya, Ratu Elizabeth II adalah ketua negara bukan saja kepada UK tetapi 14 buah negara Komanwel yang lain termasuk Australia, Kanada dan New Zealand.

Baginda adalah simbol perpaduan dan kebesaran untuk 15 buah negara ini tetapi tidak memegang kuasa sebenar. Kuasa pentadbiran terletak pada perdana menteri yang dipilih rakyat, seperti Rishi Sunak di UK, Justin Trudeau di Kanada dan Anthony Albanese di Australia.

Sehingga kurun ke-19, dari Rusia ke Iran, dari Jerman ke Thailand, banyak negara adalah sistem Raja Mutlak. Akan tetapi, Raja Mutlak kehilangan keabsahannya di kebanyakan negara apabila rakyat ingin menentukan nasib sendiri dan memilih pemerintah mereka.

Mereka tidak lagi percaya bahawa kerabat raja mendapat mandat daripada Tuhan, pastinya adil, 'tidak pandai membuat salah', ataupun sekurang-kurangnya DNA mereka lebih pandai dalam memerintah. Peralihan daripada sistem Raja Mutlak mengambil dua jalan.

Dalam jalan yang bersifat evolusi, UK sebagai contoh, raja dikekalkan tetapi cuma sekadar ketua negara yang bersifat simbolik, kuasa ketua kerajaan dipindah kepada perdana menteri.

Dalam jalan yang bersifat revolusi, Amerika Syarikat (AS) sebagai contoh, raja disingkir dan digantikan dengan presiden yang kekal sebagai kedua-dua ketua negara dan ketua kerajaan, tetapi mandatnya datang daripada rakyat, bukan saja tidak boleh diturunkan, malah boleh dipecat dalam pilihan raya.

Dalam abad ke-19, pernah berlaku debat yang membandingkan kelebihan antara Raja Berperlembagaan dan Republik Berpresiden.

Walter Bagehot, seorang pemikir perlembagaan UK, mendakwa bahawa Raja Berperlembagaan lebih baik kerana pemisahan fungsi ketua negara dan ketua kerajaan. Raja boleh kekal popular sebagai simbol perpaduan negara kerana tidak campur tangan dalam politik. Perdana menteri pasti perlu terlibat dalam politik dan senang mengundang kebencian, tetapi mereka boleh digantikan. Maknudnya, apabila politik memisahkan rakyat, raja yang tidak berpolitik boleh menyatakan.

Kebijaksanaan Bagehot terbukti lebih sekurun kemudian dengan perintah Presiden Trump yang egoistik dan populis, suka menyerang institusi-institusi kerajaan dan memecahbelahkan masyarakat AS. Memanglah bahaya apabila ketua negara bergiat dalam politik sampai rakyat pecah belah dan dendam sesama lain.

Kita bersyukur kerana kita ikut model sistem Raja Berperlembagaan ala UK dan bukan Republik Berpresiden AS. Dirgahayu Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen!

Sibuk emak masak di dapur,  
Wanginya aroma gulai itik;  
Teratai cantik tak terkena lumpur,  
Raja mulia tak campur politik.

\* Profesor Wong Chin Huat ialah Timbalan Ketua (Strategi), Pejabat Asia, Rangkaian Penyelesaian Pembangunan Mampan PBB (SDSN-Asia) di Universiti Sunway

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: EKONOMI JATUH AKIBAT RASUAH

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 14

TARIKH : 14/12/2023

**14 NASIONAL**  
SINAR HARIAN • KHAMIS 14 DISEMBER 2023

**Sinar Harian**  
TELUS & TULUS  
sinarharian.com.my

**HARA RASUAH BUSTERS 2023**  
TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR & MOHD HALIM ABDUL WAHID

# Ekonomi jatuh akibat rasuah

Negara rugi beberapa tahun kebelakangan ini selain imej turut runtuh

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI  
SHAH ALAM

**K**edudukan ekonomi dan kewangan Malaysia mengalami kejatuhan disebabkan perbuatan rasuah yang merebak secara berleluasa di negara ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Datuk Azman Mohd Yusof berkata, ekoran itu negara mengalami kerugian demikian kerugian dalam beberapa tahun kebelakangan ini selain imej negara di mata dunia turut runtuh.

Katanya, situasi rasuah yang berleluasa itu turut membuatkan integriti masyarakat diragui dan merosotnya kepercayaan pelabur terhadap negara.

"Kita tahu bahawa barah rasuah telah merebak dengan begitu berleluasa sehingga setiap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama sama ada pegawai tinggi atau bawahan, di desa atau bandar boleh terlibat dan terkesan oleh amalan rasuah ini.

"Memberi atau menerima rasuah sama-sama menyumbang kepada perkembangan tidak sihat ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama 'Bicara Bina Negara: Sudah Hilangkah Maruah?' sempena sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) Rasuah Busters 2023 di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini pada Rabu.

Program itu menampilkan dua panelis iaitu Pengarah Pusat Kepimpinan dan Pembangunan Profesional Universiti Malaya (UM Lead), Datuk Dr Anis Yusal Yusoff dan Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr Sivamurugan Pandian manakala Ismail Adnan bertindak selaku moderator.

Program tersebut dianjurkan secara bersama Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara, Rasuah Busters dan *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, Azman memberitahu, beberapa tamadun dan negara juga sebelum ini turut runtuh akibat amalan rasuah seperti Afrika, Empayar Rom dan Empayar Melaka.

"Pembangunan negara-negara Afrika terancam dan sangat lemah berikutan amalan rasuah ini. Statistik Bank Dunia menunjukkan sembilan daripada 10 ne-

**RASA HABUTERS**

Azman menyampaikan ucaptama pada program Bicara Bina Negara yang bertajuk 'Sudah Hilangkah Maruah?' sempena HARA Rasuah Busters yang berlangsung di Kompleks Kumpulan Karangkraf pada Rabu.

gara termiskin adalah dari Afrika.

"Empayar Rom pula musnah akibat amalan korupsi ekonomi selain isu perperangan dan perebutan kuasa," ujarnya.

Justeru, Azman menegaskan, usaha padu perlu dilaksanakan oleh setiap ahli masyarakat termasuk pihak kerajaan dan agensinya, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung rasuah agar penghakisanya dapat dilakukan sehingga ke akar umbi.

"Jadi, Program Bicara Bina Negara hari ini sempena sambutan HARA Rasuah Busters 2023 sangat bertepatan dengan dengan hasrat usaha sama padu ini."

"Kementerian Perpaduan Negara berbesar hati dapat bersama menjayakan program ini yang sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada usaha memerangi amalan rasuah di Malaysia," katanya.

# Pembawaan diri cerminan tahap intelektual pemegang PhD

- Dalam konteks hari ini, banyak pemegang PhD diragui kesahihannya apabila calon mengikuti pengajian mereka melalui jarak jauh di universiti kurang dikenali, tidak diiktiraf badan pengiktirafan profesional
- PhD atau gelaran lain seperti profesor dalam akademik menjadi tidak bermakna sekiranya tuan punya badan gagal menunjukkan pembawaan dirinya sebagai orang berilmu sesuai kelulusan atau kepakaran dimiliki



Felo Akademi Sains Malaysia

Oleh Prof Datuk Dr Jayum Jawan  
bhrencana@bh.com.my

**Kebelakangan** ini semakin ramai golongan akademik memperoleh ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari universiti sama ada di dalam atau luar negara. Ada golongan akademik mendapat PhD dari universiti terkemuka yang diiktiraf, tetapi ada juga memperolehnya dari universiti kurang tersohor atau tidak dikenali.

Akan tetapi, sebilangan ahli akademik ini tidak menonjolkan kewibawaan mereka dalam aspek keilmuan dan kepakaran diperolehnya sehingga boleh dipertikai kemampuannya, sekali gus menimbulkan persoalan dari universiti mana orang ini mendapat PhD atau gelaran profesor.

Dalam dunia moden hari ini, ketika banyak pihak taasub mengejar pangkat dan gelaran, akan wujud pelbagai tawaran perlu ditapis dengan lebih berhati-hati supaya apa yang 'dikejar' itu sah dan pemegang ijazah PhD tidak tertipu atau menjadi mangsa 'scammer'.

Paling penting, apabila menerima gelaran tertinggi dalam akademik, tidak seharusnya pemiliknya memalukan diri sendiri dalam kalangan golongan akademik yang turut mempunyai pangkat dan gelaran sama.

Jika ada ilmuwan mahu mendapat PhD dan menggunakan singkatan 'Dr' pada namanya, maka cara terhormat untuk memperolehnya adalah dengan mendaftar sebagai calon di universiti diiktiraf dan bukannya membuat pengajian dengan universiti dilabel 'kilang ijazah' (degree mill) atau 'institusi satu malam' (fly by night institutions).

Pengajian peringkat PhD boleh dilakukan melalui kaedah penyelidikan tesis sepenuh masa seperti di United Kingdom (UK) pada atau sebelum 1990-an atau melalui kerja kursus dan kemudian melengkapkan disertasi bagi memenuhi sebahagian keperluannya seperti diamalkan di kebanyakan universiti di Amerika Syarikat (AS) dan Kanada.

Kedua-dua kaedah ini memiliki kelebihan tersendiri. Model UK memberi peluang kepada calon menjalankan penyelidikan mendalam bagi sesuatu tajuk khusus. Model ini menganggap calon masuk ke pengajian sebagai pakar dan penyelidikan itu memberi pengkhususan mendalam dalam aspek kepakaran mahu diikuti dengan lebih lanjut.

Model benua AS dan Kanada pula menyediakan calon sebagai tenaga pengajar dengan memberi latihan meluas melalui pengajian pedagogi dalam suatu bidang dipilih seperti psikologi, politik, antropologi, sosiologi atau ekonomi. Penyediaan tesis di penghujung kerja kursus adalah latihan singkat untuk melaksanakan pedagogi sudah diikuti.

Calon mengikuti program PhD melalui mod tesis sepenuhnya lazim melalui langkah berikut, pertama, perlu lulus cadangan atau pemeriksaan komprehensif sebelum dibenarkan meneruskan penyelidikan ke peringkat kutipan data dan penulisan laporan akhir.

Kedua, perlu lulus pemeriksaan tesis bertulis sebelum dipanggil pemeriksaan lisan atau 'viva voce' dan ketiga, pemeriksaan lisan adalah sebahagian daripada pemeriksaan wajib khasnya bagi

setiap tesis diluluskan.

Viva voce adalah peluang kepada calon menunjukkan kapakarannya kepada penilai dan pemeriksaan ini adalah medan pemeriksa menguji keaslian tesis calon, kemampuan calon mempertahankan kerjanya, dan kebolehan calon meletakkan kajian dan dapatkan kajian itu menjangkaui ilmu di bilik kuliah atau makmal.

#### Calon kembali tanpa ilmu tambahan

Dalam konteks hari ini, banyak pemegang PhD diragui kesahihannya apabila calon mengikuti pengajian mereka melalui jarak jauh di universiti kurang dikenali, tidak diiktiraf badan pengiktirafan profesional dan majoriti universiti berkenaan mempunyai kampus maya dan tidak ada kampus fizikal.

Sekalipun ada kampus fizikal, calon mengikuti PhD tidak diwajibkan hadir secara fizikal di kampus sedangkan kehadiran fizikal ini di kebanyakan universiti sahih adalah satu keperluan dinamakan 'kewajipan kehadiran' (residency requirement) yang wajib dipenuhi untuk lulus dan dianugerahkan ijazah.

Berdasarkan tinjauan dalam talian, banyak universiti menawarkan pengajian siswazah diragui kesahihannya menggunakan 1) penilaian ke atas pengalaman kerja, mensyaratkan penulisan esei pendek setaraf tesis atau disertasi dan ele-

men temu duga.

Justeru, perbezaan antara calon memperoleh PhD dari universiti diiktiraf adalah calon berkenaan akan kembali dengan ilmu tambahan tetapi di universiti tidak diiktiraf, calon itu kembali tanpa ilmu tambahan.

Ini kerana calon di universiti tidak diiktiraf itu dinilai dari sudut apa yang sudah dimiliki pada dirinya dan ijazah dianugerahkan kepada mereka kerana pengalaman sedia ada. Sementara calon di universiti diiktiraf, mereka dinilai ke atas ilmu baharu atau tambahan yang digunakan sebagai kriteria untuk mengiktiraf mereka layak dianugerahkan PhD, sijil muktamad atau tertinggi dalam dunia akademik.

Ingin ditekankan di sini tiada kesalahan melanggar mana-mana undang-undang negara atau antarabangsa kerana tiada satu kaedah diwajibkan satu badan mengawal semua pengajian dan pengeluaran sijil, sehingga ke tahap PhD. Kawalan mutu terletak pada tangan dalam kalangan pengurusan universiti, dalam negara dan luar negara.

Ini bermakna apabila sijil itu diiktiraf, PhD itu sama taraf dengan sijil dari semua universiti dalam himpunan universiti yang sama-sama mengiktiraf PhD antara satu sama lain. Justeru, kelayakan itu boleh diterima silih berganti di antara mereka bagi tujuan melanjutkan pengajian, memohon jadi kaki-tangan akademik dan seumpamanya.

Dalam persaingan di mana pendidikan menjadi komoditi ekonomi, maka pengajian jarak jauh turut ditawarkan dan kemudian diikuti pendekatan secara maya khususnya ketika negara Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan ketika darurat kesihatan.

Semua bentuk pengajian disyaratkan hanya boleh dilakukan secara fizikal atau bersemuka berubah sekilip mata. Ketika PKP dilaksanakan antara Mac 2020 dan Ogos 2021, semua pengajaran dilakukan secara maya. Oleh itu, timbul persoalan apakah perbezaan ijazah diperoleh melalui hadir ke universiti dan ijazah diperoleh melalui jarak jauh.

Hakikatnya, PhD atau mendapat gelaran lain seperti profesor misalnya menjadi tidak bermakna sekiranya tuan punya badan gagal dapat menunjukkan pembawaan dirinya sebagai orang berilmu sesuai dengan kelulusan atau kepakaran dimiliki.

Ini yang seharusnya direnungi ilmuwan hari ini dan akan datang, apakah taraf PhD atau gelaran diterima itu layak dengan bidang ilmu diteroka dan dipelajari selama ini.

**' Paling penting, apabila menerima gelaran tertinggi dalam akademik, tidak seharusnya pemiliknya memalukan diri sendiri dalam kalangan golongan akademik yang turut mempunyai pangkat dan gelaran sama '**



**TAJUK: POLIGAMI UJIAN BERAT SUAMI TUNAI AMANAH KEPADA ISTERI, ANAK**

**SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 21**

**TARIKH : 13/12/2023**

**BH** Rabu, 13 Disember 2023

**Agama**

**21**

# Poligami ujian berat suami tunai amanah kepada isteri, anak

Oleh Dr Zuraimy Ali  
bhagama@bh.com.my



Pensyarah Kanan,  
Akademik Pengajian  
Islam Kontemporari  
(ACIS), Universiti  
Teknologi  
MARA Perlis

**Institusi** kekeluargaan sempurna amat bergantung kepada kemampuan pasangan suami isteri mengukuhkan hubungan baik dalam rumah tangga dan mengelak perbalahan merugikan.

Islam melarang keras perbuatan dan tindakan boleh membawa kepada perbalahan dan keharmonian terganggu dalam rumah tangga.

Pengukuhan rumah tangga yang sempurna memerlukan komitmen erat pasangan suami isteri bagi mencapai maksud 'kesempurnaan' dalam kekeluargaan Islam.

Allah SWT mengingatkan hamba-Nya melalui firman-Nya bermaksud: "Dan di antara tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, Ia menciptakan untuk kamu (wahai lelaki), isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup bahagia dengannya dan dijadikan antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi keterangan menimbulkan (kesedaran) bagi orang berfikir." (Surah Ar-Rum, ayat 21).

Ayat al-Quran ini jelas menekankan konsep kasih sayang dan belas kasihan antara suami isteri sebagai asas penting bagi membina keluarga sempurna.

Mutakhir ini, isu berkaitan rumah tangga menjadi bualan panas di media sosial khususnya terkait dengan pasangan berpoligami. Walaupun isu poligami ini dibenarkan di dalam agama Islam, namun ia juga memerlukan syarat ketat seperti kemampuan dan keadilan pihak suami bagi mengelak berlaku perkara berbangkit di kemudian hari.

Ini sangat penting bagi memastikan kehidupan berpoligami memberi keadilan dan kemaslahatan kepada isteri bermadu.

Selain itu, pasangan berpoligami juga perlu mengambil tanggungjawab penuh memastikan kebijakan dan masa depan anak lebih terjamin, di samping perlu memastikan kasih sayang serta menjaga emosi setiap isteri untuk berasa dihargai mahupun dicintai.

## Jaga kesempurnaan rumah tangga

Dalam aspek memberi nafkah pula, ia perlu adil mengikut kemampuan, manakala kasih sayang perlu sentiasa hadir setiap masa khususnya kerana golongan isteri yang mempunyai emosi sangat

halus dan mudah tersentuh hati, sekali gus memerlukan perhatian lebih daripada suami.

Hal ini adalah cabaran yang sukar dan berat kepada suami, yang memerlukan suami memiliki kekuatan dalam luar biasa bagi mengharmonikan suasana serta tidak mengambil langkah yang salah sehingga menimbulkan kekerasan dan pergaluhan bagi menyelesaikan konflik berbangkit.

Pergaluhan dan perbalahan yang berpanjangan antara suami isteri dibimbangi akan membawa kepada perceraian seperti yang banyak berlaku sebelum ini. Hal ini hanya menimbulkan masalah lain dan paling dibimbangi adalah nasib anak apabila ibu bapa bercerai.

Suami sebagai ketua keluarga seharusnya mempunyai pemikiran matang serta bijak bagi menyelesaikan sebarang kemelut rumah tangga akibat bermadu dengan jalan terbaik. Bagi memastikan tanggungjawab dilaksanakan dengan sempurna, suami perlu bijak mencari titik persamaan serta menyemai kasih sayang terhadap isteri-isterinya.

Suami perlu bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan kebahagiaan rumah tangga sentiasa kekal terpelihara. Ini adalah tanggungjawab besar dan utama suami sebagai amanah menjaga kesempurnaan rumah tangga. Keber tanggungjawaban ini akan disoal pada hari akhirat kelak.

Ini bertepatan dengan hadis Nabi SAW bermak-

sud: "Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggungjawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang penguasa adalah pemimpin rakyat dan ia bertanggungjawab atas rakyat dipimpinnya. Seorang suami adalah pemimpin keluarganya dan ia bertanggungjawab pada keluarga dipimpinnya. Seorang isteri adalah pemimpin rumah tangga suaminya dan anak-anaknya dan ia bertanggungjawab atas mereka. Dan seorang hambar adalah pemimpin harta benda milik tuannya dan ia bertanggungjawab atas keselamatannya". (HR Bukhari dan Muslim).

## Tuntutan pengorbanan luar biasa

Selain itu, setiap suami perlu sedar, ingat dan faham yang kesempurnaan hidup sesebuah keluarga amat memerlukan tahap kesabaran tinggi serta pengorbanan luar biasa bagi memastikan kelangsungan hidup berkeluarga dapat diteruskan. Setiap pasangan suami isteri perlu sedar jika sikap sabar dan pengorbanan tidak menjadi keutamaan dalam penyelesaian masalah dalam rumah tangga, maka kesannya akan mengganggu emosi dan perasaan setiap anak.

Allah SWT mengingatkan kita melalui firman-Nya bermaksud: "Dan kalau kamu memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka (maka Allah akan berbuat demikian kepada kamu), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi. Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jugalah pahala besar." (Surah at-Taghaabun, ayat 14-15)

Justeru, kesabaran dan pengorbanan bagi setiap pasangan suami isteri amat dituntut bagi mencapai kebahagiaan hidup serta melepas segala ujian melayari bahtera perkahwinan lebih berkat. Poligami itu indah jika setiap insan mengetahui hikmah di sebalik syariat yang ditentukan-Nya.

Apa yang penting, seorang suami perlu memahami secara mendalam firman Allah SWT mengenai poligami yang bermaksud: "Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya). Oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri kamu sayang) sehingga kamu biarkan isteri lain seperti benda tergantung (di awangan), dan jika kamu memperbaiki (keadaan pincang itu), dan memelihara diri (daripada perbuatan zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi." (Surah al-Nisa, ayat 129)

**Ini adalah tanggungjawab besar suami sebagai amanah menjaga kesempurnaan rumah tangga. Keber tanggungjawaban ini akan disoal pada hari akhirat kelak**



## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PENUNTUT POLITEKNIK MILIKI 1.12G KANABIS

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 08

TARIKH : 14/12/2023

## Penuntut politeknik miliki 1.12g kanabis

+1m 14/12/23

MSF

**Melaka:** Padah memiliki dadah kanabis, seorang penuntut politeknik denda RM2,200 oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, semalam.

Majistret Khairunnisaq Hassni mengenakan denda itu terhadap Mohamad Fitri Azmi, 21, yang mengaku bersalah terhadap pertuduhan pindaan pada sebutan kes berkenaan.

Dalam penghakimannya, Khairunnisaq juga memerintahkan tertuduh dipenjara tambahan tiga bulan jika ingkar membayar denda itu, namun dia membayarnya.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Fitri didakwa memiliki kanabis dengan berat bersih 1.12 gram di sebuah bengkel di Kawasan Perindustrian Kruong, di sini, jam 11.30

pagi, 26 September lalu.

Dia dituduh mengikut Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen dan akta sama, sabit kesalahan membawa hukuman denda maksimum RM20,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, peguam Yayan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Muhammad Izzuddin Ab Malek merayu hukuman denda minimum dikenakan kepada tertuduh yang masih menuntut.

“Pengakuan salah tertuduh menjimatkan masa mahkamah, jadi saya pohon hukuman denda ringan apatah lagi usianya baru 21 tahun dan masih belajar di politeknik,” katanya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PENGISIAN JAWATAN KEMENTERIAN BAHRU DITELITI

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 02

TARIKH : 16/12/2023

# Pengisian jawatan kementerian baharu diteliti

JPA mahu pastikan kementerian, agensi dapat laksana fungsi lebih cekap

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan sedang meneleiti keperluan pengisian perjawatan, susulan pemecahan dua kementerian dalam rombakan Kabinet baru-baru ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pengisian perjawatan berkenaan akan membabitkan beberapa mekanisme, termasuk penambahan perjawatan, penajaran dan pemindahan perjawatan, tukar ganti atau penempatan semula.

“Keperluan ini sedang diteliti bagi memastikan fungsi kementerian dan agensi dapat dilaksanakan dengan cekap serta berkesan,” katanya kepada *BH*, semalam.

Dalam rombakan Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sejurus lalu, dua kementerian sebelum ini, iaitu Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) serta



Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dipecahkan.

#### PENGISIAN PERJAWATAN

KKD dipecahkan kepada Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital, manakala NRECC dipecahkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam.

Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan yang sebelum ini dibubarkan bagi mewujudkan Jabatan Wilayah Persekutuan di-

kembalikan dengan Dr Zaliha Mustafa dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).

Media kelmarin melaporkan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Dr Zulkapli Mohamed, berkata pelantikan Ketua Setiausaha (KSU) untuk kementerian baharu yang diwujudkan susulan rombakan Kabinet akan diumumkan dalam masa terdekat.

Beliau berkata, rombakan dalam kalangan KSU itu akan dilaksana untuk memastikan setiap kementerian diterajui KSU bagi penyelarasan pada peringkat kementerian supaya tidak berlaku sebarang pertindihan tanggungjawab dan kuasa.

Mengenai kos pemecahan kementerian berkenaan, Mohd Zuki berkata, penajaran jawatan itu akan membabitkan kos sedia ada.

“Kementerian Kewangan sedang menguntukkan semula peruntukan berkenaan,” katanya.

**Pengisian perjawatan berkenaan akan membabitkan beberapa mekanisme, termasuk penambahan perjawatan, penajaran dan pemindahan perjawatan, tukar ganti atau penempatan semula**

*Mohd Zuki Ali,  
Ketua Setiausaha Negara*



## TAJUK: KONVOKESYEN BUKAN PENAMAT GRADUAN MENUNTUT ILMU

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 25

TARIKH : 22/12/2023

BH Jumaat, 22 Disember 2023

Agama

25

# Konvokesyen bukan penamat graduan menuntut ilmu

Oleh Mohd Shahrizal Nasir  
bhagama@bh.com.my



Pusat Pengajian  
Bahasa Arab,  
Fakulti Bahasa Dan  
Komunikasi,  
Universiti Sultan  
Zainal Abidin

**Apabila** tiba penghujung tahun, kebanyakan universiti di Malaysia mengajurkan majlis konvokesyen bagi meraih kejayaan mahasiswa dan mahasiswi menamatkan pengajian. Majlis diadakan dengan penuh kemeriahinan ini menjadi satu detik bersejarah dalam diari mahasiswa.

Graduan diraikan dengan memakai jubah khas, diraikan pensyarah dan ibu bapa, naik ke pentas untuk menerima ijazah sambil disaksikan hadirin sebagai upacara meraikan kejayaan menimba ilmu.

Justeru, setiap kejayaan perlu disyukuri supaya Allah SWT menambah lagi nikmat kejayaan lain pada masa akan datang. Jasa pensyarah juga perlu dikenang kerana mereka berusaha memastikan setiap anak didik berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang.

Bagaimanapun, satu perkara perlu menjadi ingatan graduan ialah majlis konvokesyen bukan 'tiket' untuk meninggalkan dunia keilmuan. Tugas sebagai penuntut ilmu masih kekal dipikul setiap individu cintakan ilmu.

Sebenarnya banyak lagi ilmu boleh dipelajari selepas tamat pengajian di universiti. Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan tamatnya tempoh pengajian di universiti adalah bermulanya dunia realiti memerlukan ilmu untuk kehidupan stabil.

Ilmu yang dimiliki hanya sekelumit daripada ilmu Allah SWT amat luas. Allah SWT berfirman dalam al-Quran bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad): Kalaukah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah Tuhanmu, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah Tuhanmu, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan sebanding denganannya, sebagai bantuan." (Surah al-Kahfi, ayat 109)

Ia menjelaskan bahawa ilmu yang ada pada manusia sangat terbatas jika dibandingkan dengan pengetahuan Allah SWT. Tidak ada alasan dapat diberikan jika seseorang mahu berhenti menimba ilmu.

Menurut Islam, ada lima keutamaan orang menuntut dan menyebarkan ilmu. Ilmu adalah warisan Nabi, orang menuntut ilmu akan ditinggikan darjatnya oleh Allah SWT.

Orang menyebarkan ilmu mendapat amal

jariah yang pahalanya tidak terputus selama ilmunya dimanfaatkan, orang mengajarkan ilmu (agama) senantiasa didoakan malaikat dan penduduk langit serta orang menuntut ilmu dimudahkan jalannya ke syurga.

Hakikatnya, graduan tetap dituntut menuntut ilmu di mana juga berada, sesuai dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat. Hari ini, banyak kuliah agama diadakan di masjid, surau bahkan dan pejabat.

Sekiranya individu mengambil keputusan untuk menjauhi ilmu dan majlis ilmu, maka ilmu yang sedia ada mungkin tidak relevan dalam membantu kehidupan semasa sehingga akhirnya termasuk dalam kalangan orang ketinggalan.

**Berusaha bersaing dalam pasaran kerja**  
Sebenarnya konsep pembelajaran sepanjang hayat amat membantu lepasan ijazah mencari nilai tambah dalam diri. Konsep ini mampu mengembangkan potensi individu belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran.

Graduan tidak boleh bersikap tunggu dan lihat. Mereka tidak boleh menunggu peluang pekerjaan datang bergolek di depan mata mereka. Mereka perlu berusaha bersaing dalam pasaran kerja dan terus menggilap potensi diri.

Allah SWT mengingatkan manusia nasib kehidupan ini bergantung kepada usaha masing-masing. Sekiranya individu itu tidak mahu meningkatkan potensi diri sendiri, maka orang lain tidak akan dapat membantu dirinya.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri" (Surah ar-Ra'd, ayat 11)

Golongan mendapat pendidikan formal di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah golongan terpilih. Mereka mempunyai kebolehan mendapat, memahami dan mengaplikasi ilmu dipelajari untuk faedah diri sendiri dan orang lain. Graduan tidak boleh hanya berada dalam kelompok mereka sahaja tanpa menghiraukan masyarakat sekelling.

Rasulullah SAW bersabda dalam hadis bermaksud: "Manusia paling dicintai Allah adalah paling memberikan manfaat kepada manusia." (HR at-Tabrani).

Ia menunjukkan Islam memandang tinggi usaha dilakukan seorang insan yang dapat memberi manfaat kepada insan lain. Allah SWT menyayangi hamba-Nya yang dapat memberi manfaat kepada orang lain.

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: "Sesiapa biasa memenuhi (membantu) hajat saudaranya, maka Allah akan sentiasa memenuhi hajatnya." (Muttafaq 'alaih)

Inilah ilmu hidup perlu dipelajari graduan baru tamat pengajian. Selain berusaha mendapat pekerjaan dan mencipta kejayaan dalam kerjaya diimpikan, usah lupa membantu orang lain dengan ilmu dimiliki. Hal ini juga satu bentuk ilmu kehidupan perlu dirasai setiap graduan kerana hakikatnya erti hidup itu pada memberi.

Usaha menimba ilmu perlu diteruskan bukan saja untuk manfaat diri sendiri, tetapi dapat membantu orang lain. Allah SWT memberkati kehidupan Muslim orang berilmu dan menuntut ilmu serta tergolong dalam kalangan hamba-Nya beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran maksudnya: "Allah menjanjikan bagi orang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) syurga mengalir di bawahnya beberapa sungai; kekal di dalamnya dan beroleh tempat baik dalam syurga 'Adn' serta keredaan daripada Allah lebih besar kemuliaannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan besar." (Surah at-Taubah, ayat 72)

Mereka mempunyai kebolehan mendapat, memahami dan mengaplikasi ilmu dipelajari untuk faedah diri sendiri dan orang lain. Graduan tidak boleh hanya berada dalam kelompok mereka sahaja tanpa menghiraukan masyarakat sekelling



## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: DANGKAL ILMU MUDAHKAN KITA DIHASUT - PM

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 04

TARIKH : 22/12/2023

# Dangkal ilmu mudahkan kita dihasut - PM

Generasi muda perlu tambah ilmu pengetahuan dengan amalan membaca buku

## TANJUNG MALIM

**K**ejahilan atau kedangkalan ilmu terutama dalam kalangan generasi muda memungkinkan mereka dihasut dengan mudah oleh pihak-pihak tertentu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, dengan ilmu yang terhad, individu akan menerima apa sahaja pandangan dibawa oleh pihak-pihak tertentu seterusnya terperangkap dalam pemikiran jumud.

"(Bila) Ilmu kita sedikit, orang kata kalau tidak buat ini masuk neraka, kita pun tanya betul ke? Kerana ilmu kita terlalu dangkal, mahu menyolo tambah tak berani, jadi akhirnya kita terperangkap dalam pemikiran kolot dan jumud serta menghukum orang lain secara semberono," kata beliau ketika berucap merasmikan Anugerah Buku Negara 2023 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Anwar berkata, untuk menambah ilmu pengetahuan terutama dalam kalangan mahasiswa dan generasi muda, mereka harus menyemai tabiat membaca buku bagi meningkatkan dan menguasai ilmu termasuk perkembangan ilmu baharu.

"Baliklah dengan pesanan ini,



FOTO: FACEBOOK JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Anwar (tiga dari kiri) menyampaikan anugerah kepada Amirudin yang dinobat sebagai penerima Anugerah Perdana: Tokoh Kepimpinan Muda Cemerlang Dalam Memartabatkan Pembangunan Negara sempena Anugerah Buku Negara 2023 di UPSI pada Khamis.

budaya Melayu itu sendiri tamadun kita hanya berkembang dengan kekuatan ilmu.

"Mahu maju, mahu jadikan negara ini negara Madani, tingkatkan ilmu, bersaing dengan negara lain. Dengan semangat membaca untuk menambah ilmu, Malaysia akan berubah wajah sebagai negara hebat," katanya.

Anwar turut berkata, budaya generasi masa kini yang mudah terpukau dengan kupasan idea secara ringkas dan tidak lengkap di media sosial membimbangkan.

Beliau berkata, sesuatu idea atau isu seperti ekonomi, dasar-dasar negara, idealisme perjuangan perlu dikupas secara mendalam dan memerlukan banyak pandangan kompleks untuk dirumuskan mengambil kira konsep Al-Kuliyyah.

"Konsep Kuliyyah iaitu ilmu perlu dikuasai sedalam dan seluasnya, bukan hanya kupasan beberapa minit dalam media sosial dan dirumuskan dalam satu tazkirah di Tik Tok selama seminit dua sahaja," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari merupakan antara 11 penerima anugerah utama pada majlis Anugerah Buku Negara 2023 yang disampaikan Anwar.

Mohd Zuki menerima Anugerah Perdana: Tokoh Kepimpinan Prolifik Dalam Memartabatkan Buku Negara dengan penerbitan buku yang berjudul *G.R.E.A.T.*, sementara Amirudin pula menerima Anugerah Perdana: Tokoh Kepimpinan Muda Cemerlang Dalam Memartabatkan Pembangunan Negara. - Bernama

## KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PM: KAWAL FAHAMAN POLITIK TAKSUB DI IPT

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 02

TARIKH : 22/12/2023

# PM: Kawal fahaman politik taksub di IPT

22/12/23 ms 2 4pm

Dari muka 1

"Kalau perkara itu benar okey, tapi umpamanya mereka kata sejak Anwar jadi Perdana Menteri, Islam hanyut dan hilang sedangkan program Islam kita lebih mantap, peruntukan untuk Islam lebih tinggi.

"Jadi kena jaga supaya jangan jadi 'walaun', tidak boleh fikir langsung sehingga apa yang disebut dianggap sebagai hukum," katanya pada Program Dialog Mahasiswa Temui Anwar sempena Anugerah Buku Negara 2023 yang dihadiri kira-kira 5,000 mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di universiti berkenaan, di sini, semalam.

Anwar berkata, kerajaan tidak menghalang jika ada pihak yang masuk ke universiti dan memberikan pandangan terbuka.

Malah, beliau sama sekali tidak menghalang kritikan terhadap kerajaan.

"Mereka kata kalau Anwar boleh masuk ke universiti, mereka pun hendak masuk. Kalau dia bagi pandangan yang terbuka, saya tidak jadi masalah."

"Tetapi kalau dia bawa kebenlian kepada kaum Cina, Dayak dan Kristian semuanya jadi musuh kita, tidak boleh. Saya tidak izinkan."

"Saya tidak izinkan orang menghina, menghukum dan cuba menidakkannya orang bukan Islam. Inilah prinsipnya dan saya tidak berkompromi. Mengkritik kerajaan tidak apa, tapi kalau dia langgar dasar, ini tidak boleh."

"Kepada pelajar, gunakan minda kreatif, kerana dia pakai serban dan dia cakap betul, kita



**ANWAR Ibrahim semasa Program Dialog Mahasiswa Temui Anwar sempena Anugerah Buku Negara 2023 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak, semalam. Turut kelihatan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir (kiri).**

- UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAPA

boleh terima tapi kalau dia bohong, walaupun dia pakai jubah, tidak boleh terima jika cakap tidak betul," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, negara mungkin mengalami kerugian perdagangan berikutkan keputusan mengharamkan syarikat perkapalan berpangkalan di Israel, ZIM (ZIM Integrated Shipping Services Ltd.) dan mana-mana kapal yang menaikkan bendera Zionis daripada berlabuh di mana-mana pelabuhan di negara ini.

Beliau berkata, namun kesan dari segi perdagangan negara adalah terkawal.

"Berhubung tindakan kita mengharamkan kapal Israel masuk ke negara ini mungkin ada risiko dalam soal perdagangan."

"Saya sudah bincang dengan

Anthony Loke (Menteri Pengangkutan) dan Tengku Zafrul (Menteri Perdagangan Antarabangsa, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz) dan mereka kata setakat ini kita masih boleh kawal, mungkin kita rugi sedikit sebab kapal tidak masuk."

"Tetapi ini dia adalah prinsip kemanusiaan kita (terhadap Palestin)," katanya.

Anwar turut menempelak pihak pembangkang yang tidak memberikan sebarang reaksi berhubung keputusan kerajaan itu yang mencerminkan sokongan kerajaan Malaysia terhadap rakyat Palestin.

Katanya, malah agak pelik kerana ada pemimpin yang ketika berada dalam kerajaan membentarkan kapal dan pesawat Israel masuk ke negara ini.

**KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON**

**TAJUK: MOHD ZUKI, AMIRUDIN TERIMA ANUGERAH UTAMA**

**SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 03**

**TARIKH : 22/12/2023**

# Mohd Zuki, Amirudin terima anugerah utama

B1/H 22/12/2023 m/s 3

**Tanjung Malim:** Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari antara penerima anugerah utama pada majlis Anugerah Buku Negara 2023 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di sini semalam.

Sembilan individu lain turut menerima anugerah berkenaan disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang turut melancarkan *Ensiklopedia: Menyingkap Rahsia Sains & Teknologi dalam al-Quran*.

Mohd Zuki menerima Anugerah Perdana Tokoh Kepimpinan Prolifik Dalam Memartabatkan Buku Negara dengan penerbitan

buku berjudul *G.R.E.A.T*, manakala Amirudin pula menerima Anugerah Perdana Tokoh Kepimpinan Muda Cemerlang Dalam Memartabatkan Pembangunan Negara.

Amirudin berkata, anugerah yang diterimanya itu satu pengiktirafan kepada Selangor kera-

na usaha negeri itu melaksanakan beberapa program seperti penterjemahan karya agung yang diterbitkan lebih 60 judul, selain penglibatan aktif Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor dalam pesta buku yang dianjurkan.

"Ini bukan kemenangan peribadi, tetapi satu pengiktirafan kepada Selangor yang mempu-

nyai projek pencerahan rakyat melalui buku terjemahan karya agung menerusi distribusi buku yang kita laksanakan," katanya ketika ditemui pemberita.

## **Anugerah Khas Penggerak Industri Buku Negara**

Anugerah Buku Negara ialah majlis berprestij untuk mengiktiraf dan menghargai warga kerja buku di sebalik tabir industri penerbitan Malaysia, selain usaha meningkatkan mutu penerbitan judul dan karya baharu serta menyemai budaya menulis dan membaca masyarakat.

Pada tahun ini, majlis anugerah itu menerima penyertaan 500 naskhah buku daripada lebih 50 penerbit dan membabit-

kan 43 pemenang.

Anugerah Perdana Tokoh Cendekiawan Ulung Alam Melayu Dalam Memartabatkan Buku Negara dianugerahkan kepada Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar dengan penerbitan buku berjudul *Knowledge, Tradition And Civilization Essays In Honour Of Professor Osman Bakar*.

Anugerah Perdana lain, iaitu Penerbit Prolifik (Syarikat Di Bawah Agensi Kerajaan) diberikan Institut Kefahaman Islam Malaysia, manakala Anugerah Khas Perdana Rakan Strategik Terbaik Dalam Memartabatkan Industri Buku Negara diterima Majlis Profesor Negara (MPN).

Anugerah Khas Penggerak Industri Buku Negara diterima Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM). Anugerah Perdana Penerbit Terbaik (Jabatan Kerajaan) kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), manakala Penerbit Prolifik (Badan Bukan Kerajaan) diterima Angkatan Belia Islam Malaysia Press.

Penerbit Prolifik (Penerbit Universiti) dianugerahkan kepada Pejabat Karang Mengarang dari pada UPSI. Buku Mewah Terbaik (Buku 30 Techno Dreams diterima Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan Penerbit Prolifik (Swasta) diterima Telaga Biru Sdn Bhd.

BERNAMA